

21 MAR 1997

Ting-Sampah

KADAR MUNASABAH BAGI PERKHIDMATAN MEMBUANG SAMPAH

KUALA TERENGGANU, 21 Mac (Bernama) -- Orang ramai diberi jaminan bahawa mereka akan dikenakan kadar bayaran munasabah apabila perkhidmatan melupuskan sampah diswastakan di seluruh negara tidak lama lagi.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Dr Ting Chiew Peh berkata kabinet telah membuat keputusan supaya empat syarikat mengambil alih perkhidmatan itu daripada majlis-majlis tempatan, mengikut kawasan masing-masing.

Anak syarikat Kumpulan DRB-Hicom, Alam Flora akan mengendalikan perkhidmatan di kawasan tengah dan timur manakala kawasan lain diambil oleh Malaysia Mining Corporation (MMC), Konsec Gali Sdn Bhd dan KKI Sdn Bhd, katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat agung tahunan Persatuan Pendidikan Moral di sini hari ini.

Ting berkata Unit Perancang Ekonomi, Perbendaharaan, Jabatan Kerajaan Tempatan dan syarikat terbabit sedang menyediakan rang undang-undang bagi dikemukakan kepada kabinet sebelum ia dibentangkan di Parlimen.

Katanya kerajaan hanya boleh menandatangani perjanjian bagi penswastaan itu selepas rang undang-undang itu diluluskan.

Alam Flora kini mengendalikan perkhidmatan pembuangan sampah di ibu negara berdasarkan perjanjian sementara dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Ting berkata Jabatan Lanskap Negara akan membuka tapak semaian di lapan kawasan bagi membekalkan pokok yang cukup, sesuai dengan matlamat kerajaan agar sekurang-kurangnya tiga juta pokok ditanam di seluruh negara menjelang tahun 2005.

Katanya tapak semaian seluas 1,000 hektar itu mampu membekalkan pokok yang cukup untuk kempen itu.

Beliau berkata kerajaan memperuntukkan RM200 juta kepada jabatan itu di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh dan sebahagian peruntukan akan digunakan bagi tujuan itu.

Ting berkata sejak kempen itu dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed pada 3 Mac, ia telah mendapat sambutan menggalakkan daripada orang ramai, sektor swasta dan pertubuhan bukan kerajaan. -- BERNAMA

SBJ MAI